

# Orang Asli Johor bantah cadangan tukar status tanah

Mohamed Farid Noh, 8 Mei 2023

Iskandar Puteri: Lebih 200 Orang Asli berhimpun dan berarak secara aman di Bangunan Dato Jaafar Muhammad yang menempatkan Kompleks Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor di sini, hari ini.

Himpunan dan perarakan aman itu bagi membantah cadangan kerajaan negeri mengklasifikasikan semula semua penempatan dan tanah rizab Orang Asli sebagai tanah kesultanan.

Pengerusi Jaringan Perkampungan Orang Asli Johor (JPOAJ) Dolah Tekoi berkata, sebanyak empat bas digunakan untuk membawa lebih 200 Orang Asli dari Mersing, Segamat, Kluang, Johor Bahru dan Kota Tinggi ke situ.

Menurutnya, perhimpunan dan perarakan aman itu bagi menyerahkan memorandum bantahan kepada Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Katanya, ia selepas masyarakat Orang Asli negeri ini sebulat suara memutuskan membantah dan tidak bersetuju mengenai cadangan kerajaan negeri untuk mengklasifikasikan semula semua rizab tanah Orang Asli negeri ini kepada Enakmen Tanah Kesultanan seperti yang dicadangkan oleh Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar.

"Isi kandungan memorandum bantahan ini mempunyai tiga teras utama iaitu bantahan terhadap pertukaran status rizab tanah Orang Asli Johor sebagai tanah kesultanan, cadangan Orang Asli terhadap isu ini dan kertas konsep pengurusan wilayah tanah adat Orang Asli supaya kerajaan negeri memahami apakah maksud tanah adat.

"Ia turut mengandungi tanda tangan seluruh masyarakat Orang Asli Johor membabitkan 40 perkampungan Orang Asli negeri ini.

"Orang Asli membantah cadangan pertukaran status rizab Orang Asli sebagai tanah kesultanan kerana perizaban tanah sedia ada sudah mengikut aturan Perlembagaan Persekutuan, yang dibuat berdasarkan Seksyen 6 dan Seksyen 7 Akta 134 Akta Orang Asli 1954 dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965.

"Hal ini dikuat kuasa bukan hanya di Johor, namun untuk semua tanah rizab Orang Asli di seluruh negara, maka tiada sebab untuk ia ditukar ganti kepada tanah kesultanan.

"Kami amat bimbang jika hal ini berlaku kerana di dalam Seksyen 2 Enakmen Tanah Kesultanan menyebut setiap tanah yang diklasifikasi sebagai tanah kesultanan adalah bukan harta negeri yang bermaksud bukan tanah kerajaan lagi tetapi menjadi tanah diraja dan milik persendirian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan memorandum bantahan itu kepada Setiausaha Sulit Menteri Besar Johor Mohamad Iskandar Omar.

Menurutnya, jika cadangan Tanah Kesultanan dikuatkuasakan, Orang Asli akan menjadi hanya penumpang di tanah orang lain.

Katanya, jika menjadi milik persendirian, maka pada bila-bila masa tanah itu boleh diambil dan Orang Asli boleh dihalau pada bila-bila masa.

Pada 16 Mac lalu, Sultan Ibrahim dilaporkan bertitah menyarankan kerajaan negeri mengklasifikasikan semua penempatan dan rizab Orang Asli di negeri itu sebagai tanah kesultanan bagi mengelak ia disalahgunakan.

Sementara itu, Dolah minta kerajaan negeri mengambil tindakan tegas sekiranya benar dakwaan menyatakan terdapat dalang yang mengeksplorasi tanah rizab Orang Asli bagi membuka ladang sawit dan getah berskala besar.

"Andai ada bukti pembabitan dalang dan Orang Asli, hukum golongan yang merosakkan reputasi Orang Asli Johor.

"Kenapa semua Orang Asli mahu dihukum dengan tanah rizab kami dirampas dan ditukar kepada tanah kesultanan, ini sangat zalim dan seolah-olah mahu menghalau kami dari tanah rizab," katanya.

Sementara itu, Dolah berkata, beliau bersama Ahli Jawatkuasa JPOAJ dan barisan peguam akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung isu berkenaan.

"Permohonan sedang dibuat bagi mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri. Ini kerana sejak isu ini dicadangkan Sultan Johor, sehingga hari ini tiada kenyataan diberikan Kerajaan Pusat bagi melindungi hak Orang Asli yang sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya.

-Harian Metro